

**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS MENGENAI
PELAN PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BELIA 2030
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

1. **Soalan:**
Apa itu Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030?

Jawapan:

Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 merupakan dokumen dasar untuk memperkasakan sosioekonomi belia hingga tahun 2030. Dokumen ini menjadi panduan kepada pemegang taruh pembangunan belia untuk melaksanakan inisiatif dalam menangani isu dan cabaran sosioekonomi belia. Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah menggariskan keperluan sebuah pelan kebangsaan mengenai pemerkasaan ekonomi belia. Selain itu, Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12 juga memfokuskan tentang penyerlahan potensi dan kesejahteraan hidup belia, menerusi sebuah pelan kebangsaan pemerkasaan ekonomi belia.

2. **Soalan:**
Apakah isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh belia yang diberi penekanan dalam Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030?

Jawapan:

Antara isu dan cabaran utama yang telah dikenal pasti seperti berikut:

- (i) Tahap kesejahteraan kewangan, literasi dan tingkahlaku kewangan yang rendah;
- (ii) Perkembangan teknologi yang pesat memberi lebih cabaran kepada belia di dalam kelestarian ekonomi belia;
- (iii) Persaingan ekonomi yang kompetitif memerlukan peningkatkan pembangunan sendiri bagi membentuk karakter;
- (iv) Perubahan persekitaran dan iklim memberi ketidaktentuan tahap ekonomi belia dan negara; dan

- (v) Pemantapan polisi dalam memperkukuhkan ekonomi belia dan negara.

3. Soalan:
Apakah visi yang ingin dicapai melalui Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030?

Jawapan:

Visi Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 adalah untuk membina 'Belia Berdaya Saing, Sejahtera dan Mampan'. Pelan ini mengandungi tiga (3) matlamat yang menjadi teras utama iaitu Menjana Ekonomi Belia, Memperkukuh Kesejahteraan dan Inklusiviti Belia serta Mempertingkatkan Pembangunan Mampan.

4. Soalan:
Siapakah penerima manfaat daripada Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030?

Jawapan:

Strategi dan inisiatif yang dilaksanakan memberi manfaat kepada belia berumur 15 hingga 30 tahun dengan mengambil pendekatan bersasar berkaitan keperluan, keupayaan dan kepelbagaian 8 kumpulan sasaran belia iaitu belia pengajian tinggi, belia bersekolah, belia bekerjaya, belia minoriti dan golongan terpinggir (Orang Kurang Upaya, Orang Asli dan lain-lain), belia massa, belia Malaysia antarabangsa, belia berisiko dan belia berpersatuan.

5. **Soalan:**
Apakah tindakan yang dilaksanakan untuk memastikan Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 dibangunkan secara menyeluruh?

Jawapan:

Pembangunan Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 telah dilaksanakan dengan melibatkan proses pengumpulan input secara bersasar melalui pelbagai peringkat berikut:

- (i) sesi *Technical Working Group* (TWG) di seluruh Malaysia melibatkan 10 kumpulan pelaksana pembangunan belia yang terdiri daripada Kementerian dan Agensi, Kerajaan Negeri, pemimpin masyarakat, media, institusi pendidikan dan penyelidikan, kepimpinan politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta. Sesi ini turut melibatkan 8 kumpulan sasaran belia iaitu belia pengajian tinggi, belia bersekolah, belia bekerjaya, belia minoriti dan golongan terpinggir, belia massa, belia Malaysia antarabangsa, belia berisiko dan belia berpersatuan;
- (ii) soal selidik melibatkan 1,022 responden belia;
- (iii) sesi *engagement lab* melibatkan 10 kumpulan pelaksana pembangunan belia;
- (iv) sesi validasi bersama pakar ekonomi;
- (v) penjajaran dengan 33 dokumen di peringkat nasional dan antarabangsa bagi memastikan pelan yang selari dengan dasar dan hala tuju negara sedia ada. Antara yang dijajarkan adalah dokumen Ekonomi MADANI, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara, Pelan Tindakan Sektor Kewangan Malaysia 2022-2026, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital), Dasar Belia Malaysia (DBM), National Industry Master Plan 2030 (NIMP 2030), Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030, Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030), Dasar Pembangunan Luar Bandar dan KSP RMKe-12; dan

(vi) maklum balas Kementerian dan Agensi melalui libat urus dan jawatankuasa.

6. Soalan:

Apakah yang terkandung dalam Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030?

Jawapan:

Pelan ini mengandungi tiga (3) matlamat utama, iaitu Menjana Ekonomi Belia, Memperkukuh Kesejahteraan dan Inklusiviti Belia, serta Mempergiat Pembangunan Mampan. Pelan ini juga mempunyai 10 Strategi dan 24 Inisiatif melibatkan 12 Kementerian dan Agensi sebagai Peneraju, yang digerakkan melalui kerjasama 76 Rakan Kolaborasi. Rakan Kolaborasi ini terdiri daripada Kementerian dan Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Kewangan, serta Institusi Pendidikan dan Penyelidikan.

7. Soalan:

Bagaimana KBS menilai keberkesanan Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030?

Jawapan:

Tempoh pelaksanaannya bermula pada tahun 2025 sehingga tahun 2030 iaitu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13). Sepanjang tempoh 6 tahun ini, penilaian dan pemantauan secara berkala akan dilaksanakan melalui perbincangan bersama komuniti belia di peringkat daerah, perbincangan pemegang taruh pembangunan belia di peringkat Kerajaan Negeri dan perbincangan pemegang taruh pembangunan belia di peringkat nasional. Ekosistem penilaian dan pemantauan merupakan platform yang penting dalam menentukan kejayaan strategi dan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan pelan.

8. Soalan:
Apakah jangkaan hasil pelaksanaan Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030?

Jawapan:

Menjelang tahun 2030, pelaksanaan inisiatif dan strategi dalam Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia dijangka dapat memenuhi keberhasilan (*outcome*) melalui sasaran terpilih berikut:

- (i) pengurangan kadar pengangguran belia kepada 6.5%;
- (ii) pengurangan peratusan belia dalam kategori *Not in Employment, Education and Training* (NEET) kepada 8.9%;
- (iii) penurunan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran belia kepada 50.1%;
- (iv) peningkatan purata gaji dan upah belia kepada RM3,152.00;
- (v) peningkatan skor literasi kewangan belia sebanyak 77.91;
- (vi) peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh belia kepada 66.0%;
- (vii) peningkatan bilangan pencarum skim perlindungan sosial belia kepada 4.82;
- (viii) peningkatan kadar penyertaan belia wanita dalam tenaga buruh kepada 59.4%; dan
- (ix) pewujudan sebuah pangkalan data ekonomi hijau belia.

9. Soalan:
Bagaimana dokumen Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 boleh dan diperolehi?

Jawapan:

Dokumen Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi 2030 boleh diperolehi melalui laman sesawang www.kbs.gov.my. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pelan ini, ia boleh dikemukakan melalui talian 03-88713221.

Disediakan oleh:
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Kementerian Belia dan Sukan
5 November 2024